

D342

U B424 BAH

ASN

KUALA LUMPUR, 30 NOV (BERNAMA) -- SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL AKAN MEMBAYAR LEBIH \$366 JUTA KEPADA PARA PELABURNYA SEBAGAI KEUNTUNGAN DARIPADA PELABURAN TAHUN INI.

DARIPADA JUMLAH ITU, \$219 JUTA UNTUK BAYARAN DIVIDEN ATAU 10.2 PERATUS KE ATAS UNIT YANG TELAH DIWUJUDKAN SEHINGGA Hujung BULAN DEPAN, DEMIKIAN MENURUT KENYATAAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SELAKU Pengerusi YAYASAN PELABURAN BUMIPUTERA, HARI INI.

SEJUMLAH \$147 JUTA AKAN DIKELUARKAN UNTUK BAYARAN BONUS ATAU UNIT PERCUMA IAITU PADA KADAR SATU UNIT PERCUMA BAGI SETIAP 14.3 UNIT YANG DIMILIKI. INI BERSAMAAN DENGAN PULANGAN TUJUH PERATUS BAGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN INI.

BAUCER DIVIDEN DAN BONUS AKAN DIKIRIMKAN KEPADA PELABUR-PELABUR PADA BULAN FEBRUARI DEPAN, SAMA SEPERTI TAHUN-TAHUN LALU.

SEJAK DILANCARKAN PADA 1981 SEHINGGA TAHUN LALU, ASN MEMBAYAR KEUNTUNGAN BERJUMLAH \$569.2 JUTA ATAU 73.2 PERATUS DALAM BENTUK DIVIDEN DAN BONUS.

SEHINGGA AKHIR SEPTEMBER TAHUN INI, LEBIH 2,003,300 ORANG MENYERTAI ASN DENGAN PELABURAN BERSIH BERJUMLAH \$1,818.1 JUTA. -- BERNAMA.

1626MST 30 11 85